



IKLAN JAWATAN KOSONG

JABATAN PEMBANGUNAN MANUSIA DAN PENGAJIAN KELUARGA, FAKULTI EKOLOGI MANUSIA, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, UPM mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan dan mempunyai komitmen yang tinggi dan penuh iltizam serta bercita-cita untuk berkhidmat di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia yang menuju sebuah universiti bereputasi antarabangsa, bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

JAWATAN	: PENSYARAH KANAN GRED DS51
SKIM PERKHIDMATAN	: PENSYARAH UNIVERSITI
KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	: TETAP
JADUAL GAJI	: RM5,855.00 - RM12,445.00
BIDANG KEUTAMAAN	: i. PSIKOLOGI PERKEMBANGAN KANAK-KANAK ii. KAUNSELING PEMBANGUNAN MANUSIA

SYARAT LANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Memperolehi kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang cemerlang dalam bidang yang berkaitan (CGPA 3.00 ke atas); dan
- (d) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- (e) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan; dan
- (f) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (g) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.

SYARAT KHAS UPM BAGI JAWATAN PEGAWAI AKADEMIK:

- (a) Memperolehi kelayakan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak. Keutamaan akan diberikan kepada calon dalam bidang kanak-kanak peringkat awal;

atau

Mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kaunseling atau Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Psikologi/Pembangunan Manusia dan mempunyai Master dalam bidang Kaunseling. Keutamaan akan diberikan kepada kaunselor berdaftar;
- (b) Mempunyai penerbitan dalam jurnal berindeks (Scopus/WOS); dan
- (c) Mempunyai pengalaman sebagai ketua dan ahli dalam geran penyelidikan sama ada diperingkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa; dan
- (d) Mempunyai pengalaman bekerja dalam industri bagi bidang-bidang yang berkaitan.

CARA MEMOHON:

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional **SOK/BUM/BR03/Jawatan 01** yang boleh dimuat turun dari laman web Pejabat Pendaftar, UPM.

PERATURAN MEMOHON:

Pemohon dikehendaki menyertakan salinan sijil akademik, transkrip, salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil Kelahiran serta dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah di hantar ke alamat berikut sebelum atau pada tarikh tutup iklan:

**PEJABAT KETUA PENTADBIRAN
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
43400 UPM SERDANG
SELANGOR**

Tel: 03-9769 7898

PERHATIAN:

- i. Permohonan yang tidak lengkap diisi dan tidak mengikut peraturan memohon boleh menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan.
- ii. Hanya calon-calon yang dipilih dalam penyaringan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- iii. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan** adalah dianggap **tidak berjaya**.

TEMPOH IKLAN:

Permohonan jawatan akan dibuka **mulai 23 April 2021** dan akan ditutup **pada 21 Mei 2021**.